**RM7 juta sediment pond** MS7



**Pertandingan Mewarna Ekspo Hijau** MS20

**Bengkel Empowering Local Council** MS 25



PERCUMA

# buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA

Cekap Akauntabel Telus

**16 – 30, JULAI 2013**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

*Selamat Menyambut Nuzul al-Quran buat Muslimin & Muslimat.*

# RM215,000 imarah masjid P.Pinang sempena Ramadhan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**JAWI -** Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) memperuntukan sebanyak RM215,000 bagi tujuan pengimarahan lebih 200 buah masjid sempena menyambut bulan Ramadhan tahun ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon berkata, Kerajaan Negeri akan terus menyokong sebarang program pengimarahan masjid demi memartabat lagi keindahan Islam sebagaimana dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Kerajaan Negeri menyokong penuh sebarang program mengimarahkan masjid memandangkan peranan masjid dan kedudukannya sebagai pengemudi kepada masyarakat,” ujar beliau dalam satu majlis di perkarangan Masjid Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia merangkap Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut berucap pada Majlis Penyerahan Sumbangan Ihya’ Ramadan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2013 itu.

Manakala, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut bersama-sama Mohd. Rashid dan Anwar menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan kepada para pentadbir masjid yang berwajib.

Hadir bersama, Timbalan Yang di-Pertua MAINPP merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Maktar Shapee, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) dan Datuk Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal), Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, JAINPP) serta Rohani Hassan (Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, SPS).

Difahamkan, Masjid Negeri menerima sumbangan RM5,000, manakala, kelima-lima masjid daerah masing-masing menerima peruntukan RM2,000.

Kesemua 200 masjid kariah pula masing-masing menerima sumbangan RM1,000.

Sebelum pada itu, Abdul Malik berkata, idea mengeluarkan peruntukan khusus untuk tujuan mengimarahkan masjid serta jamuan berbuka puasa sempena bulan Ramadhan itu sebenarnya diilhamkan oleh Guan Eng sendiri pada tahun 2008.

Itu, tidak termasuk inisiatif Kerajaan Negeri mewujudkan Kelas Celik al-Quran di peringkat sekolah sejak tahun 2010, selain, mengadakan Sambutan Bulan-bulan al-Quran saban tahun.





**(Dari kiri): ABDUL Malik Abul Kassim, Lim Guan Eng, Anwar Ibrahim, wakil penerima, Mohd. Rashid Hasnon dan Mansor Othman pada majlis sumbangan peruntukan mengimarahkan masjid di sini baru-baru ini.**

“Bermula dengan 10 buah sekolah, sekarang lebih 100 buah sekolah mengikuti program ini. Sejak tahun 2010, RM100,000 diperuntukan untuk Program Celik al-Quran dan sekarang, hampir mencecah RM400,000,” ujar Abdul Malik.

Sementara itu, Anwar pula berkata, umat Islam wajar diseru untuk menegakkan kebenaran dan keadilan kerana komitmen itu mendekati maksud ketakwaan sebagaimana dituntut dalam ibadah berpuasa itu sendiri.

“Puasa ini diwajibkan ke atas umat sebelum kita lagi, membawa gambaran bahawa tradisi berpuasa ini dilakukan oleh semua penganut agama sebelum kamu, iaitu Islam.

“Menegakkan ketakwaan yang menjadi maksud utama kita berpuasa itu antaranya adalah menegakkan kebenaran dan keadilan untuk seluruh alam...itu lah maksud Islam.

“Sebab itu, Ramadhan patut mengajak umat Islam untuk senantiasa mahu mencari muafakat nasional serta meruntuhkan tempok perkauman yang zalim,” ujar beliau.

Beliau berkata demikian semasa menjelaskan mengenai inti ayat 183 dari Surah al-Baqarah yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”*

Dalam perkembangan lain, Anwar turut mengutuk tindakan kudeta tentera Mesir atas alasan Dr. Muhammad Morsi dipilih sebagai Presiden oleh majoriti rakyat negara berkenaan melalui proses pilihan raya umum yang demokratik.

# Percepat projek pindah tadah hujan Perak-P.Pinang - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Pusat melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) diharap mempercepat pemajuan Projek Pemindahan Tadahan Hujan Perak-Pulau Pinang yang dianggarkan menelan kos RM2 bilion demi memastikan negeri berkenaan tidak menghadapi risiko kekurangan air selepas tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali selaku Pengerusi PAAB sebelum ini memberi jaminan bahawa negeri-negeri yang telahpun menandatangani perjanjian penstrukturan semula air dengan PAAB akan diberi dana untuk membiayai projek-projek berkaitan air berwajib.

"Cadangan Skim Pemindahan Air Sungai Perak telah diluluskan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) pada 30 Jun 2012 dan disahkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan kini menunggu kelulusan pelaksanaan dari Unit Perancang Ekonomi (UPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)," ujar Guan Eng di Komtar di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri direkod menandatangani perjanjian itu dengan Kerajaan Pusat pada 2 Jun 2011 demi memudahkan kemasukan Pulau Pinang ke *National Water Services Industry Resstrukturing Initiative* (NWSIRI) kelak.

Ekoran itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, PAAB adalah pemilik aset air negara dan pengurus di bawah NWSIRI, termasuk di Pulau Pinang.

Terdahulu, Guan Eng berkata, 80 peratus sumber air mentah sedia ada di Pulau Pinang diambil dari Sungai Muda sebelah negeri berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih itu berkata, sumber air yang sedia ada dijangka memenuhi permintaan air di Pulau Pinang sehingga tahun 2020 sahaja.

Lantas, katanya, Kerajaan Negeri tidak boleh hanya bergantung pada sumber air dari Sungai Kuala Muda.

Sebaliknya, beliau berkata, Kerajaan Negeri berpendapat, wujud keperluan mendesak untuk melaksanakan skim pemindahan air antara negeri-negeri demi menjamin bekalan air masa hadapan.

Dalam perkembangan sama, beliau sekali lagi menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kedah tidak wajar menuntut caj air daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandangkan sumber air mentah berwajib diambil dari Sungai Muda sebelah negeri berkenaan.

Berbeza dengan situasi di Perak, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri perlu membayar caj air memandangkan sumber mentah tersebut yang diambil dari Sungai Perak di dalam sempadan negeri berkenaan.

Pemajuan Projek Pemindahan Tadahan Hujan Perak-Pulau Pinang dijangka mengambil masa selama tujuh tahun dan projek itu mampu menampung keperluan air mentah bersama sehingga tahun 2050.

## Kenyataan Media Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin di Komtar.

**(Menyangkal Dakwaan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S.M. Mohamed Idris Berkaitan Projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ancam 1,000 Nelayan)**

Merujuk kepada kenyataan Presiden CAP, S.M. Mohamed Idris melalui Utasan Malaysia bertarikh 17 Julai 2013, merupakan kenyataan yang tidak berasaskan fakta. Projek akuakultur yang dinamakan ZIA (Zon Industri Akuakultur) Penaga masih dalam peringkat perancangan dan belum beroperasi lagi.

Perkara yang ditimbulkan berkenaan rezeki nelayan di Penaga akan terjejas dan tangkapan mereka akan merosot lebih 50 peratus jika projek akuakultur dilaksanakan adalah kenyataan tanpa asas. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri sedang menantikan Laporan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) yang akan dibiaya sendiri oleh Persatuan Akuakultur Pulau Pinang (Penkua).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi jaminan, sekiranya kajian EIA menunjukkan projek ZIA memberikan kesan buruk ke atas alam sekitar, Kerajaan Negeri sendiri akan membatalkan projek ini.

Projek ZIA Penaga dengan zon penampan 200 meter dari pantai, 30 meter dari penempatan serta 20 meter dari sungai akan dilaksanakan secara bersepadu, setiap peserta perlu mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dan bersepakat untuk memenuhi syarat atau keperluan yang ditetapkan seperti penjagaan alam sekitar, kawalan penyakit, penjagaan kualiti air, pemasaran dan sebagainya.

Projek ZIA di Penaga merupakan projek yang pertama di negara ini yang memerlukan kelulusan EIA. Sekiranya projek ZIA berjaya dilaksanakan, ia akan menjadi modal contoh untuk negeri-negeri lain.

Jabatan Perikanan akan meletakkan syarat kepada setiap peserta untuk mematuhi Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM). SPLAM merangkumi sistem amalan akuakultur yang baik termasuk kolam rawatan dan kolam takungan.

*Sekian, terima kasih.*

**DR.AFIF BAHARDIN**
**Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan**

**SINDIR MUTIARA**

Oleh: **Sam**



# Jawatan itu amanah Hari Akhirat - TKM1



SUASANA harmoni anak kariah Masjid At-Taqwa dekat Bertam menunggu detik berbuka puasa di sini baru-baru ini.

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**BERTAM –** Lebih 50 anak kariah Masjid At-Taqwa menyertai jamuan berbuka puasa bersama-sama Timbalan Ketua Menteri 1, Mohd. Rashid Hasnon di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid semasa menyampaikan ucapan mengingatkan semua pihak yang berjawatan dalam Kerajaan Negeri supaya terus mengamalkan budaya integriti sebagaimana dituntut dalam Islam.

"Kita jangan meminta-minta sesuatu jawatan kerana di akhirat kelak, kita akan disoal atas apa yang kita pimpin di dunia," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Beliau berkata demikian semasa menerangkan inti ayat 65 dari Surah Yaasin yang bermaksud:

*"Pada hari ini (Akhirat), Kami (Allah) tutup mulut mereka; dan berkatalah kepada Kami (Allah) tangan mereka dan memberi kesaksianlah kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan."*

Mohd. Rashid berkata, pihaknya sentiasa berharap masjid dan surau dapat dijadikan medan untuk umat Islam saling merapatkan silaturrahim dengan kepemimpinan Kerajaan Negeri.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, larangan tazkirah sempena bulan Ramadhan sebagaimana di negeri-negeri tertentu tidak akan diamalkan di Pulau Pinang kerana Kerajaan Negeri komited memartabat keindahan Islam.

Justeru, beliau berkata, Kerajaan Negeri menggalakkan semua pihak berwajib supaya terus menyemarakkan budaya ilmu di masjid dan surau masing-masing sungguhpun selepas berakhirnya Ramadhan nanti.

# TYT agih RM3.03 juta zakat




ABDUL Rahman Abbas (tengah) menyerahkan replika cek bantuan fakir miskin berjumlah RM3,034, 202.00 kepada Mohd. Salleh Man (kiri) sambil disaksikan oleh Azman Abdul Samat (kanan) baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**AIR ITAM -** Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengagihkan lebih RM3.03 juta kepada 7,207 fakir miskin sempena Program Nur Ramadhan 1434H baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Abdul Rahman Abbas mengumumkan penyerahan sumbangan tersebut di Masjid Negeri Pulau Pinang di sini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, sumbangan itu diagihkan secara berperingkat melalui ZPP sendiri.

"Sempena Program NurRamadhan tahun ini, seramai 2,084 orang akan menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM350 seorang beserta hamper berupakan makanan asas.

"Selain itu, ZPP turut mengagihkan bantuan kepada fakir dan miskin di seluruh kariah negeri Pulau Pinang, iaitu kepada 7,207 orang dengan jumlah keseluruhan termasuk bantuan sebanyak RM3,034,202.00," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Samat turut hadir pada majlis tersebut.

Menurut Mohd. Salleh, Kerajaan Negeri berharap sumbangan itu dapat menceriakan golongan terpilih berkenaan sempena menempuhi bulan Ramadhan, seterusnya menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri membela golongan terpilih dalam kalangan umat Islam di Pulau Pinang.

# Abdul Malik, 700 kakitangan Mydin rai golongan terpilih




ABDUL Malik Abul Kassim, (tengah, dua dari kiri) bergambar kenangan bersama anak-anak yatim Rumah Anak Kesayangan di sini baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUMBANGAN...** *Mydin Wholesale Hypermarket* Bukit Jambul baru-baru ini menyampaikan sumbangan wang tunai bernilai RM100, baucar RM50 beserta barang-barang keperluan harian kepada sekumpulan warga emas, ibu tunggal dan anak-anak yatim dari Rumah Anak Kesayangan di sini.

Anak-anak yatim yang hadir turut menerima sumbangan hadiah baju raya, kasut dan aksesori daripada Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) dalam satu jamuan majlis berbuka puasa bersama-sama Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Hampir 700 kakitangan Mydin daripada pelbagai kaum, latar belakang dan negara turut menyertai program amal tersebut.

Abdul Malik semasa berucap di khalayak ramai berkata, program amal sempena menyambut bulan Ramadhan al-Mubarak dan Hari Raya Aidilfitri ini kelak wajar dilipatgandakan demi memburu ketakwaan serta mengurangkan bebanan hidup golongan terpilih berkenaan.

# JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai sebut harga berikut :

| Bil. | No. Sebut Harga JKNPP | Tajuk Projek | Tarikh Lawatan Tapak | Tarikh dan Masa Sebut Harga Ditutup |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **JKNPP 8 / 2013** | Sebut Harga Penyertaan Gerai Jualan, Pameran dan Medan Selera Pesta Pulau Pinang Tahun 2013 yang akan berlangsung dari 26 November 2013 hingga 31 Disember 2013 | Tarikh :<br>**26 Ogos sehingga 30 Ogos 2013. (Isnin - Jumaat)**<br>Tempat :<br>**Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang**<br>Jam :<br>**9.00 Pagi - 4.00Petang. ( Isnin – Khamis ) 9.00 Pagi – 12.00 T/hari ( Jumaat )** | Tarikh Tutup :<br>**03 Sept. 2013 ( Selasa )**<br>Jam :<br>**12.00 T/hari** |

1. Penyebut harga yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah mendapatkan borang sebut harga di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak di atas. Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap borang sebut harga yang dijual dan **satu borang sebut harga hanya terhad untuk satu lot sahaja**. **Borang sebut harga tidak boleh difotostat**. Penyebut harga yang menggunakan borang yang difotostat tidak akan dipertimbangkan.

2. Penyebut harga boleh mendapatkan maklumat mengenai lot-lot yang hendak ditawarkan semasa lawatan tapak dijalankan. Pembahagian lot-lot gerai dan kawasan lapang adalah mengikut sektor-sektor berikut :
   - Permaidani
   - Tekstil dan Pakaian
   - Produk berasaskan kayu, Bingkai hiasan gambar dll.
   - Automotif
   - Makanan dan Minuman Ringan
   - Industri Kecil & Sederhana
   - Permainan Kanak-Kanak / Belon
   - Industri Kecil & Sederhana
   - Benih-benih tanaman
   - Produk keluaran kilang
   - Produk Kesihatan
   - Produk Pelancongan
   - Makanan & Minuman
   - Hiasan Dalaman/Landskap
   - Elektrik & Elektronik
   - Produk Perubatan Tradisional, Herba, Gamat dan yang berkaitan
   - Kraftangan / Batik

3. Bagi lot untuk **Medan Selera** adalah dikhaskan untuk perniagaan **makanan dan minuman sahaja** dan lebih diutamakan kepada **makanan tempatan** yang mempunyai **tarikan tersendiri.** Maklumat mengenai lot-lot yang ditawarkan boleh didapati semasa lawatan tapak dijalankan.

4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang dipohon di **penjuru sebelah kiri sampul**. Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang.** Tarikh tutup tawaran sebut harga ini ialah pada **03 September 2013 (Selasa) jam 12.00 tengahari. Sebut harga** yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

# Dr. Afif agih kurma di Hospital P.Pinang



DR. Afif Bahardin (kiri) menyerahkan buah tangan berupa kurma kepada Mariah Lebai Jusoh sambil diperhati oleh suaminya, Abdul Hadi Mohamad (tengah) baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**DATUK KERAMAT** - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin baru-baru ini mengagih kurma kepada pesakit di Hospital Pulau Pinang (HPP), di sini sempena menyambut bulan Ramadhan.

Program kebajikan itu dilaksanakan selepas beliau mengadakan satu mesyuarat tertutup bersama pentadbiran hospital berkenaan.

"Ini suatu kebajikan," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam satu sidang media di Wad Sakit Puan, HPP.

Pengarah HPP, Datuk Dr. Yasmin Sulaiman dan Datuk Dr. Mohamed Ali Abdul Khader (Ketua Jabatan Perubatan Nuklear, HPP) turut menyertai lawatan ringkas itu.

Dr Afif berkata, pihaknya merancang untuk melawat enam hospital serta enam klinik kesihatan terpilih di negeri demi kepentingan bersama.

"Pertemuan ini menunjukkan ahli politik (Kerajaan Negeri) dan kakitangan kerajaan tidak wajar mempunyai jurang," ujar beliau sambil berharap pihaknya boleh saling bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) demi kepentingan rakyat.

Ditanya mengenai intipati mesyuarat tertutup itu, Dr. Afif berkata perbincangan dengan pentadbiran HPP sekitar isu rancangan pembangunan fizikal hospital yang membabitkan KMM serta persiapan program mamogram percuma yang dirancang oleh Kerajaan Negeri.

Mariah Lebai Jusoh, 56, pesakit barah di Wad Sakit Puan semasa ditemui kemudian melahirkan rasa terharu atas kesantunan Exco Kerajaan Negeri berkenaan.

"Terima kasih kepada Exco kerana ingat kami di sini. Buah tangan (kurma) ini cukup bermakna untuk saya dan suami," ujar beliau sambil ditemani suami, Abdul Hadi Mohamad, 62.

Mariah berkata, beliau menerima rawatan di sini sejak 6 Jun lepas.

# ADUN agih RM17,700 sumbangan Ramadhan Seberang Jaya



DR. Afif Bahardin (kiri) menyampaikan cek sumbangan Ramadhan kepada salah seorang wakil penerima di sini baru-baru ini.

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEMARAKKAN RAMADHAN...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menyampaikan sumbangan RM17,700 kepada 11 masjid, 25 surau dan 2 maahad terpilih demi menyemarak lagi ibadah dalam bulan Ramadan kali ini.

Beliau berkata, sumbangan itu diharap dapat membantu program komuniti seperti tadarus al-Quran dan majlis berbuka puasa.

"Walaupun ada masjid yang telah terima sumbangan dari Kerajaan Negeri, saya berharap sumbangan yang diberikan ini sekurang-kurangnya dapat membantu surau-surau dan maahad di sekitar DUN Seberang Jaya," ujar beliau baru-baru ini.

Majlis penyampaian sumbangan oleh Dr. Afif dilangsungkan secara sederhana di Masjid Seberang Jaya di sini.

Beliau yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan berkata, pihaknya akan meneruskan program mengagihkan kurma di bazar Ramadan setempat serta program sumbangan bantuan kepada golongan terpilih sepanjang bulan puasa ini.




ABDUL Malik Abul Kassim (bertali leher) bergambar kenang-kenangan bersama sebahagian penerima sumbangan tersebut di sini baru-baru ini.

# Exco agih sumbangan zakat Seberang Jaya

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim mengagihkan sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada lebih 40 fakir miskin di sini baru-baru ini.



RODIAH Abu Bakar.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung berkata, sumbangan itu berupa barangan asasi seperti beras, gula, minyak masak dan sebagainya untuk kegunaan bulan Ramadhan serta persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Majlis sumbangan diadakan secara sederhana di sini.

Menurut beliau, senarai penerima dipilih sendiri oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan majlis sama telahpun dilaksanakan di beberapa kawasan lain baru-baru ini.

Penerima, Rodiah Abu Bakar, 60, dari Jalan Perak yang pertama kali menerima sumbangan itu melahirkan rasa syukur kepada Ilahi.

"Harap sumbangan seperti ini dapat diteruskan lagi," ujar beliau semasa ditemui kemudian di sini.

Perkembanan terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri cakna dengan kebajikan golongan terpilih berkenaan.

# De' Pauh terima Sijil Halal



(Dari kiri): MOHAMAD Jamaluddin, Afif Bahardin, Abdul Malik Abul Kassim, Mohd. Rodzi Abu Bakar, Mohd. Salleh Man dan Faizal Ibrahim dalam majlis penyampaian Sijil Halal di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA -** Kerajaan Negeri melalui *Penang International Halal Hub* (Halal Penang) baru-baru ini menyerah Sijil Halal kepada pengusaha Restoran De' Pauh di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, Kerajaan Negeri senantiasa membantu semua pihak yang terpanggil untuk memohon Sijil Halal demi memajukan perniagaan mereka masing-masing.

"Tahniah kerana ini antara restoran pengusaha Melayu yang berjaya memenuhi piawaian halal yang ditetapkan dan hari ini pengusahanya mendapat Sijil (Halal).

"Kita sentiasa membantu semua pihak kerana kita sendiri menyedari bahawa pengusaha-pengusaha premis komersial yang datang kepada kita menganggap Sijil Halal ini adalah (mendekati) tuntutan agama serta mempunyai prospek untuk memajukan perniagaan mereka," ujar beliau.

Beliau bersama-sama Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man kemudiannya menyerah Sijil Halal kepada Pengarah Urusan Restoran De'Pauh, Mohd. Rodzi Abu Bakar.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Mohd. Jamaluddin (Pegawai Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Tengah, SPT) dan Faizal Ibrahim (Ketua Penolong Pengarah Halal Penang turut hadir pada majlis ringkas tersebut.

Mohd. Rodzi yang ditemui kemudian berkata, beliau berharap inisiatif mendapatkan Sijil Halal itu dapat memberi motivasi tidak langsung kepada pengusaha Melayu lain di negeri berkenaan.

"Bukan mudah untuk mendapatkan Sijil Halal ini kerana pembekal makanan ke restoran ini pun disemak kedudukannya sama ada betul-betul membekalkan bahan mentah bersih (serta) halal atau sebaliknya.

"Pelanggan, khususnya orang Islam sendiri tentu lebih yakin dengan kita...ini mungkin boleh jadi motivasi bagi Melayu lain yang memajukan restoran mereka secara komersial (dengan mendapatkan Sijil Halal)," ujar beliau.



WONG Hon Wai (kiri) menyumbang apron kepada salah seorang peniaga bazar Ramadhan di sini baru-baru ini.

# Blok B Kg. Melayu terima 'hadiah' lif

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



WONG Hon Wai (tiga dari kanan) bergambar bersama penduduk tempatan semasa melakukan perasmian lif baru tersebut di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM –** Kehadiran bulan Ramadhan kali ini pasti menggembirakan lebih 2,000 penduduk Blok B Kampung Melayu apabila Kerajaan Negeri menaiktaraf kemudahan lif di blok berkenaan baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan dana sebanyak RM717,000 bagi kerja-kerja menaiktaraf dua lagi unit lif blok tersebut dalam bulan Ramadhan ini.

"Sepatutnya projek awal ini disiapkan sejak Mei lalu, malangnya, pihak kontraktor menghadapi beberapa kekangan kelulusan oleh Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH)," ujar beliau.

Beliau berkata, DOSH memperoleh kelulusan sehari sebelum Ramadhan dan kontraktor diminta menyiapkan kerja-kerja penyelenggaraan itu secepat mungkin demi mengelak sebarang komplikasi dan kesusahan kepada penduduk setempat.

"Pada 14 Jun lalu, dalam lawatan saya turut menggesa kontraktor mempercepatkan projek ini bagi kemudahan penduduk," tambah beliau lagi.

Seorang penduduk yang enggan identitinya dikenali umum berkata, lif-lif di flat tersebut acapkali rosak, hingga pernah memerangkap warga emas, kanak-kanak, pelajar dan orang kurang upaya (OKU).

"Sekarang ini, kami dapat menarik nafas lega setelah lif ini dan dua lagi akan turut dinaiktaraf," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Hon Wai melancarkan perasmian pembukaan bazar Ramadhan di Kampung Melayu serta menyampaikan apron kepada 115 peniaga di situ.

# Bacaan Yasin sempena Hari Lahir TYT ke-75



ABDUL Rahman Abbas (enam dari kiri) bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri lain ketika berlangsungnya majlis bacaan yasin di sini baru-baru ini.

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**SYUKUR...** Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T), Tun Abdul Rahman Abbas diraikan dalam Majlis Kesyukuran, Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat sempena hari kelahiran beliau yang ke-75 di Masjid Negeri, Air Itam baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri 1, Mohd. Rashid Hasnon, Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama Islam, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan) dan Maktar Shapee (Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri).

Mufti Negeri Pulau Pinang, Datuk Hassan Ahmad memimpin majlis bacaan yasin, tahlil serta doa selamat yang disertai kira-kira 300 jemaah.

Pada keraian itu, jamuan berbuka puasa turut disediakan kepada hadirin di perkarangan masjid tersebut.

# Ternak khinzir perlu *Sediment Pond* RM7 juta - Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TASEK GELUGOR -** Kerajaan Pusat wajar mengeluarkan peruntukan kira-kira RM7 juta bagi membina kolam perangkap mendapan (*sediment pond*) di Sungai Kereh dekat Kampung Selamat di sini, sekiranya ikhlas mahu menyelesaikan masalah pencemaran sungai tersebut yang berpunca oleh kumbahan sisa dari 85 ladang ternak khinzir.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, inisiatif Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (bekas Ahli Parlimen Tasek Gelugor) sebelum ini menyalurkan peruntukan Pusat berjumlah RM750,000 untuk kerja-kerja infrastruktur serta pelepasan mikrob berguna (UM) hanya solusi sementara bagi menurunkan kadar pencemaran di sungai tersebut.

Kerajaan Negeri sendiri, menurut beliau, memperuntukan RM10,000 pada tahun 2010 bagi melepaskan UM (*useful microbe*) ke sungai tersebut sahaja, diikuti, RM25,000 (2011), RM40,000 (2012) dan terbaru RM90,000 (2013).

Impaknya, beliau berkata, Indeks Kualiti Air (IKA) sungai tersebut sejak tahun 2010 dilihat kian terpulihara pada kadar 3, berbanding sebelumnya pada kadar 5 (tercemar teruk).

Justeru, beliau berkata, IKA Sungai Kereh yang menyalir ke kawasan pertanian padi berkeluasan keseluruhan 351 hektar di Mukim 12 Kampung Tok Bedu, Kampung Air Melintas Kecil, Kampung Air Melintas Besar, Kampung Datuk Keramat, Kampung Tasek Gelugor, Kampung Air Itam, Kampung Air Dalam, Kampung Matahari Naik dan Kampung Pokok Tampang tidak wajar dipersoal lagi kerana sumber air tersebut masih di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Veterina (JPV) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Ini soalan yang dikitar semula di Parlimen (Dewan Rakyat) sahaja. Sekurang-kurangnya Ahli Parlimen Tasek Gelugor yang baru (Shabudin Yahaya) kaji dahulu apa yang telahpun dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Nor Mohamed atas inisiatif beliau sebelum ini.

"Setakat ini, kita (Kerajaan Negeri) masih tidak mempunyai solusi tetap bagi menangani masalah lama ini...kalau Pusat serius, bawalah peruntukan untuk bina *sediment pond* di Sungai Kereh," ujar beliau di sini baru-baru ini.




**DR. Afif Bahardin menunjukkan sebahagian kawasan muara Sungai Kereh yang nyata kotor dengan sisa penternakan babi dan sampah-sarap ekoran tiadanya *sediment pond* di sini baru-baru ini.**

Penjelasan Dr. Afif itu sekaligus menolak tuduhan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob yang menyebut Kerajaan Negeri kononnya mengabaikan pencemaran Sungai Kereh dan beberapa sungai lain akibat dari kumbahan sisa khinzir.

"Masalah ini timbul sejak 15 tahun dulu, saya pun tak tahu apa Kerajaan Negeri (era Barisan Nasional) dulu buat.

"Janganlah isu ini dimainkan (atas sentimen) keagamaan pula (kerana) tidak mudah untuk ditutup sekarang kerana semua ladang tersebut mempunyai lesen yang sah.

"Setakat ini, Kerajaan Negeri melalui Unit Kawalan Pencemaran di bawah JPV telahpun mengawal kadar efluen ladang babi.

"Pihak JPV akan menahan permit pemindahan ternakan (ke atas) ladang (ternakan khinzir) yang melebihi tahap BOD (permintaan oksigen biokimia) 50," ujar beliau menuntut keikhlasan daripada Shabuddin dan Ismail Sabri.

Baginya, kira-kira 100,000 ekor khinzir yang diternak di kawasan tersebut sepatutnya dianggap sebagai jaminan keselamatan makanan (food security) bagi pelanggan bukan Islam di negeri berkenaan.

Tuntas itu, beliau berkata, Kerajaan Negeri bersedia untuk duduk semeja dengan Kerajaan Pusat bagi memastikan operasi penternakan khinzir di kawasan berkenaan mengikut piawaian yang digariskan oleh kementerian berwajib.

# SPRM tutup kes politik wang PRU13 dipersoal

**GEORGE TOWN -** Wibawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang terus dipersoal gara-gara Pengarahnya, Datuk M.Samarajoo menutup kesemua fail siasatan kes penyelewengan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) kononnya atas dalih tiada bukti ditemukan.

Datuk Abdul Halim Hussain berkata, SPRM tidak pernah memanggilnya untuk memberi keterangan sungguhpun bekas calon yang tewas di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Bahang itu sebelum ini ada membuat aduan lengkap dengan bukti berwajib.

Justeru, beliau menunjukkan beberapa bahan bergambar serta rakaman video yang nyata mendedahkan bukti wujudnya amalan membeli undi di kawasan yang beliau bertanding pada 5 Mei lepas untuk dinilai oleh wartawan pula.

"Kalau ini bukan politik wang, apa lagi yang patut dipanggil kerana ada orang membayar, ada pengundi menerima dan ada saksi sanggup beri ketenangan jika SPRM buka semula fail siasatan," ujar Abdul Halim di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, peguamnya Datuk Praba Karan dan S. Raveentharan akan turut berusaha mendapatkan respons lanjut daripada Pejabat Peguam Negera, selain menuntut fail siasatan berwajib dibuka semula oleh SPRM.

"Kita juga akan tuntut penjelasan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Ghani Patail. Kita minta buka semula fail siasatan kerana bukti-bukti yang sedia ada cukup untuk proses siasatan," ujar Abdul Halim yang kini merupakan Pegawai Penyelaras Kawasan DUN Teluk Bahang.

Beberapa bekas calon pilihan raya lain seperti Mohd. Bakhtiar Wan Chik (Parlimen Balik Pulau), Mohd. Tuah Ismail (DUN Pulau Betong), Rosidi Hussain (Penaga) turut hadir pada sidang media itu.

Terdahulu, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dalam satu kenyataan lain turut mempertikai keputusan SPRM negeri menutup kesemua fail kes aduan penyelewengan pilihan raya yang dibuat oleh bekas-bekas calon Pakatan Rakyat.

Pada 13 Mei lepas, 10 bekas calon pilihan raya dilaporkan membuat aduan di Kompleks Ibu Pejabat SPRM di sini.

Mereka, Abdul Halim, Mohd Bakhtiar, Asnah Hashim (Dun Bayan Lepas), Mohd. Tuah, Rosidi, Ahmad Zakiyuddin Abd.Rahman (Dun Pinang Tunggal), Norhayati Jaafar (Dun Teluk Air Tawar) dan Arshad Md. Salleh (Dun Permatang Berangan).

Manakala, Badrul Hisham Shaharin yang lebih dikenali sebagai "che'GuBard" (DUN Sungai Acheh) dan Syed Mikael Rizal Aidid (DUN Bertam) dilaporkan membuat aduan berasingan di pejabat SPRM Pulau Pinang dekat Seberang Perai.

Kesemua mereka diminta supaya tidak mendedahkan bukti berwajib kepada khalayak atau media demi melancarkan proses siasatan dalaman oleh SPRM sendiri.

Pun begitu, langkah terbaru SPRM Pulau Pinang mengumumkan bahawa kesemua fail siasatan berwajib ditutup atas dalih tiada bukti ditemukan mengakibatkan wibawa suruhanjaya itu terus dipertikai sampai sekarang.

# Ke mana RM20 juta? Pusat rawatan kanser tiada di Hospital Kerajaan - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng berkata pusat rawatan kanser langsung tiada di mana-mana Hospital Kerajaan di Pulau Pinang.

Justeru, beliau mempersoal status peruntukan tambahan RM20 juta untuk Hospital Balik Pulau seperti diumum oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya baru-baru ini.

"Persoalannya adalah apakah bentuk perbelanjaan tersebut.

"Adakah RM20 juta ini semata-mata untuk meningkatkan perkhidmatan A&E (*Accident & Emergency*) dan Forensik sahaja atau untuk menubuhkan satu pusat rawatan kanser baharu di sini?," tanya Guan Eng di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, pusat rawatan kanser sepatutnya sudah lama dibina di hospital-hospital milik kerajaan di negeri ini, namun tiada satupun pusat rawatan kanser ditubuhkan di hospital kerajaan di Pulau Pinang.

"Kita seharusnya tidak hanya membiarkan hospital swasta untuk mengambil peranan tersebut.

"Ini kerana Pulau Pinang telahpun diiktiraf memimpin pelancongan perubatan di rantau ini berbanding negeri-negeri lain," katanya.

Dalam penggal pertama sidang Dewan Rakyat baru-baru ini, Guan Eng meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam supaya menjelaskan punca tiada pusat rawatan penyembuhan barah di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya.

Dalam soal jawab bertulis pada 8 Julai lalu, Subramaniam memberitahu, peranan pusat rawatan penyembuh barah itu diselenggara oleh dua hospital swasta, bukan hospital kerajaan.

"Hospital Pulau Pinang turut menyediakan perkhidmatan rawatan kanser (*Oncology and Nuclear Medicine*) dan buat masa ini memperolehi perkhidmatan radioterapi dari Hospital Mount Miriam dan juga Hospital Pantai Mutiara.

"Perolehan perkhidmatan radioterapi dari kedua-dua hospital swasta ini dibuat melalui perjanjian persefahaman perolehan perkhidmatan yang dipersetujui dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," ujar Subramaniam dipetik dari jawapan lisan Dewan Rakyat.

Ekoran itu, Hilmi mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah RM20 juta kononnya untuk Hospital Balik Pulau hatta dipertikai oleh Guan Eng.

## Pesawah rujuk Exco isu tambun tanah rizab



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) menerima penjelasan lanjut mengenai tiga masalah malar segar yang dihadapi oleh pesawah Kampung Permatang Nibong di sini baru-baru ini.

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**SEBERANG JAYA** - Masalah pihak tertentu dikesan telah menambun tanah rizab pertanian di Kampung Permatang Nibong di sini, yang didakwa untuk tujuan pemajuan komersial tanpa pengetahuan penduduk setempat mula dirujuk kepada Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Sekumpulan pesawah meluahkan rasa bimbang itu dalam satu pertemuan dua hala dengan Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya baru-baru ini.

Mereka turut mengadu masalah penanaman padi sawah masing-masing yang kurang produktiviti kebelakangan ini serta terpaksa berkongsi jentera membajak dan mesin padi dalam satu-satu masa.

Mereka turut memanjangkan kebimbangan sama dengan wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang yang hadir.

Dr. Afif dalam reaksi spontan berkata, tanah yang tidak rata hatta menyukarkan air disalur masuk ke petak sawah merupakan salah satu punca berlakunya masalah malar segar itu.

Hasil pertemuan tersebut, Dr. Afif berkata, pihaknya akan mengetengahkan ketiga-tiga masalah malar segar tersebut kepada pihak berwajib.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) bersama-sama pengunjung lain melepaskan cecair memulihara kualiti air serta bola selut ke dalam tasik takungan air banjir dekat Rumah Pam Lahar Endin di sini baru-baru ini.

## Lebih 50 rumah pam sedia cegah banjir – Exco

**KEPALA BATAS** – Lebih 50 rumah pam yang sedia ada di Pulau Pinang, termasuk 24 di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) diharap mampu menangani kemungkinan banjir di negeri berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian sejurus selepas merasmikan Program Pemuliharaan Kualiti Air dan Hari Terbuka Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2013 dekat Rumah Pam Lahar Endin di sini baru-baru ini.

"Rumah-rumah pam ini mampu berfungsi untuk mengepam air keluar dari kawasan yang ditakungi air.

"Ini (Rumah Pam Lahar Endin) pam air terbesar di Asia Tenggara," ujarnya pada sidang media bersama-sama wartawan.

Pengarah JPS Negeri, Kapt. (B) Ir. Anuar Yahya dan Ir. Saiful Nizam Sanusi (Jurutera Daerah SPU) turut hadir pada majlis tersebut.

Dalam perkembangan sama, beliau menyeru rakyat supaya terus memulihara kualiti air sungai di negeri berkenaan memandangkan sumber air mentah tempatan adalah sangat terhad.

Katanya lagi, langkah pemuliharaan air sungai sebenarnya menelan kos yang lebih besar berbanding budaya memelilhara sumber semula jadi itu.

"Walaupun program (pemuliharaan) ini kerap diadakan, namun, ianya agak terhad kerana memerlukan kos yang tinggi sedangkan peruntukan yang diperolehi itu diagihkan untuk tujuan pembangunan yang lain," ujar beliau.

Kon Yeow bersama-sama hadirin lain turut menyempurnakan majlis melontar bola selut ke dalam tasik takungan air banjir di rumah pam air di sini sebagai langkah memulihara air tersebut.

# MP Bukit Bendera selar vandalisme

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ahli Parlimen (MP) Bukit Bendera, Zairil Khir Johari menyelar sekeras-kerasnya perbuatan vandalisme pada papan iklan milik *Urban Development Authority* (UDA) di Tanjong Tokong yang memaparkan gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein al-Haj (Perdana Menteri kedua).

Zairil berkata, tindakan mengaibkan pemimpin negara adalah bersifat kebudak-budakan dan tidak mencerminkan budaya politik baru masa kini.

"Saya berasa kesal dengan tindakan tidak bertanggungjawab mereka yang melakukan vandalisme tersebut.

"Dan mengecam sekeras-kerasnya perbuatan vandalisme ini," ujar Zairil baru-baru ini.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute* (PI) berkata, secara peribadi beliau sangat menghormati jasa Abdul Razak dalam membangunkan negara bangsa, khususnya dalam mereformasikan demografi bandar serta menaiktaraf hidup masyarakat migran di bandar.

Malah, kata Zairil, ayahandanya Tan Sri Mohamed Khir Johari merupakan kawan karib yang pernah menyertai kabinet pertama pimpinan Abdul Razak.

Justeru, katanya, perbezaan politik kepartian seharusnya tidak menjurus pada serangan peribadi atau fizikal ke atas mana-mana ahli politik.

"Meskipun saya dan Datuk Seri Najib berbeza dari segi pandangan politik, namun saya tetap yakin bahawa tumpuan harus diberikan kepada perdebatan idea, dasar dan ideologi, bukan serangan peribadi atau fizikal.

"Politik, saya percaya adalah suatu usaha berterusan untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dan kita perlu mencegah perbuatan khianat dan dangkal seperti itu (vandalisme)," ujar beliau.




VANDALISME pada papan iklan milik UDA yang tertera wajah Najib Tun Razak dan Abdul Razak Hussein yang diconteng baru-baru ini.

# Tanding fotografi bangkit kesedaran hijau



TEH Yee Cheu (empat dari kiri) dan Thing Siew Shuen (tiga dari kiri) bersama-sama jawatankuasa penganjur lain mempromosikan Pertandingan Fotografi sempena Ekspo Hijau Pulau Pinang 2013 pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN -** Pertandingan fotografi bertemakan 'Saya Menyembuh Bumi' yang berakhir pada 30 Ogos depan dilancar baru-baru ini sempena Ekspo Hijau Pulau Pinang 2013.

Pengarah Penang Green Council (PGC) Strategies Sdn. Bhd., Teh Yee Cheu berkata, penganjuran saingan itu diharap dapat membangkitkan lagi kesedaran serta mendidik masyarakat mengenai peri penting memulihara alam sekitar.

"(Kita mahu) para peminat fotografi merakamkan isu-isu alam sekitar serta usaha hijau di seluruh Malaysia oleh rakyat demi alam sekitar melalui kanta jurugambar," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bungah di sini.

Pengurus Besar PGC Strategies, Thing Siew Shuen turut hadir pada sidang media tersebut.

Menurut beliau, pertandingan itu anjuran *Penang Photographers Network Club* (PGN) dengan tajaan Nikon (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Excel Photo Trading.

Tambah beliau, hadiah bernilai RM6,000, termasuk tiga set kamera jenama Nikon, aksesori kamera beserta wang tunai menanti pemenang.

Info lanjut, boleh diakses di laman PGN (*www.pgn.cc*) atau menerusi PGC - *www.pgc.com.my* / 04-2503321 / *penanggreencouncil@gmail.com*.

# PBAPP, Polis nekad tangani curi meter air

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEROGE TOWN -** Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. Jaseni Maidinsa berkata, pihaknya nekad bekerjasama dengan polis bagi menangani masalah kecurian meter air yang diakui kian berleluasa belakangan ini.

Beliau berkata, sebanyak 1,062 meter air dikesan hilang dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini dengan kecurian paling tinggi di daerah Seberang Perai Tengah, iaitu sebanyak 884 kes.

"Kita telah bertemu dengan pihak polis berhubung hal ini dan akan menyiasat setiap laporan yang diterima," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, sebanyak 270 meter air dicuri oleh pihak tidak bertengggungjawab pada tahun 2011 dan kes sama meningkat hingga 940 meter air pada tahun berikutnya.

Ekoran itu, katanya lagi, pelanggan terpaksa berdepan dengan kesukaran hidup kerana PBA terpaksa memutuskan bekalan air bagi tujuan membaiki, mengganti, menyambung hatta memasang meter air yang baru.

Difahamkan, PBA menanggung kos sekitar RM100 bagi setiap kehilangan meter air.

Justeru, beliau menasihatkan pembeli besi buruk di negeri berkenaan supaya tidak membeli meter atau mana-mana komponen air yang disyaki sebagai barang curi.

Sebarang aduan berwajib boleh dibuat melalui Pusat Panggilan 24 jam PBAPP di talian 04-5096509.



IR. Jaseni Maidinsa.

# 267 terima RM278,900 biasiswa Lembaga Wakaf Hindu

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Lembaga Wakaf Hindu (*Hindu Endowment Board - HEB*) mengagihkan biasiswa berjumlah RM278,900 kepada 267 anak Pulau Pinang beragama Hindu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, seramai 300 mahasiswa layak dipilih menerima sumbangan bagi tahun 2013 sungguhpun pejabat HEB menerima kira-kira 1,300 permohonan.

"Kerajaan Negeri menyediakan biasiswa ini untuk tujuan pengajian sahaja. Keutamaan diberikan kepada pelajar yang miskin sahaja," ujar beliau di George Town baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer, A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam) dan Datuk K. Pulaventhiran (Pengerusi Persatuan Kebudayaan India Pulau Pinang) turut hadir pada majlis tersebut.

Ramasamy yang juga Pengerusi HEB berkata, Kerajaan Negeri melalui lembaga tersebut mengagihkan RM243,100 sumbangan biasiswa kepada 268 pelajar pada tahun lepas.

Pada tahun 2011, sebanyak RM227,000 biasiswa diagihkan kepada 149 pelajar, manakala, RM109,253 biasiswa diagihkan kepada 39 mahasiswa pada tahun 2010.

P. Dhurga, mahasiswi tahun dua jurusan farmasi di Universiti AIMST, Kedah yang ditemui kemudian melahirkan rasa terharu atas sumbangan pendidikan yang diterima daripada Kerajaan Negeri.

"(Biasiswa) RM3,000 ini akan digunakan untuk membayar yuran tahunan universiti," ujar beliau.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri terhadap masa depan semua anak Pulau Pinang, termasuk mahasiswa beragama Hindu.



P. Ramasamy (tiga dari kanan) menyerahkan biasiswa kepada P. Dhurga (kiri sekali) sambil diperhati oleh A. Thanasekharan (dua dari kanan) dan K. Pulaventhiran (kanan sekali) dalam satu majlis di sini baru-baru ini.



ABDUL Malik Abul Kassim (empat dari kiri), Lim Hock Seng (lima dari kiri) dan A.Rajendran (tiga dari kiri) bersama wakil penduduk setempat semasa melawat lokasi pemasangan lampu isyarat baru di sini baru-baru ini.

# Lampu isyarat baru harap urai trafik sesak Batu Maung - ADUN

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**BATU MAUNG** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, pemasangan lampu isyarat di Lintang Bayan Lepas baru-baru ini diharap dapat menguraikan kesesakan trafik di sini.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, kesesakan itu sebenarnya berpunca oleh runtuhan penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang yang sedang dibina pada 7 Jun lepas.

Ekoran itu, beliau menasihat polis supaya meningkatkan lagi kawalan trafik di kawasan berkenaan, terutama pada waktu puncak.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng dan Ir. A.Rajendren (Timbalan Pengarah Jabatan Bangunan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) turut hadir di kawasan tersebut.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan lagi komitmen Kerajaan Negeri dalam menyurai kesesakan trafik di negeri berkenaan.



DR. Afif Bahardin (tengah) turut menderma darah sambil ditemani oleh Dr. Atiqah Ibrahim (kiri sekali), Abdul Rahim Isahak (kanan sekali) dan dua staf perubatan lain di sini baru-baru ini.

# Program derma darah berkala di Komtar perlu - Dr.Afif

**GEORGE TOWN -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin mencadangkan program derma darah dianjurkan secara berkala tiga bulan sekali di Komtar di sini demi memastikan simpanan darah negeri senantiasa mencukupi, terutama pada musim perayaan.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Kempen Derma Darah Pra-Ramadhan 2013 anjuran bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (ANSARA).

"Justeru, dengan kempen kesihatan derma darah ini, (diharap) dapat meningkatkan bekalan darah ekoran pada musim perayaan (menyaksikan) permintaan terhadap darah meningkat," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk Abdul Rahim Isahak dan Dr. Atiqah Ibrahim (dari Hospital Pulau Pinang, HPP) turut hadir pada program tersebut.

Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya berkata, pihaknya berharap program sebegitu mendapat sambutan menggalakkan daripada orang awam.

# Kualiti pembangunan pendidikan jana modal insan bertaraf global

**Teks ucapan (Bhg 2) Zairil Khir Johari, Ahli Parlimen Bukit Bendera dalam perbahasan usul junjung kasih titah diraja Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong di Parlimen pada 2 Julai 2013.** ***(Sambungan daripada Bahagian 1)***

**Pendidikan rendah dan menengah**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

Cabaran pendidikan di negara kita jelas bukan hanya di peringkat pengajian tinggi semata-mata, malah akar permasalahannya bertunas daripada peringkat sekolah lagi. Kini, setelah sekian lama pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan, kita masih lagi jauh daripada mencapai matlamat pertamanya, iaitu melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu.

Jurang kaum antara sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan semakin melebar. Menurut laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015, jumlah pelajar Cina ke sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) meningkat daripada 92 peratus pada tahun 2000 kepada 96 peratus pada tahun 2011. Begitu juga dengan pelajar daripada etnik India ke sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), daripada 47 peratus kepada 56 peratus. Jika dibandingkan dengan tahun 1972, kegagalan sekolah kebangsaan sebagai agen pembinaan bangsa Malaysia lebih terserlah. Pada tahun tersebut, peratus pelajar Cina dalam SJKC tidak begitu tinggi, iaitu hanya 75 peratus, sementara yang lain telah memilih sekolah kebangsaan.

Hari ini, sekolah kebangsaan sudah seakan-akan menjadi sekolah mono-etnik dengan pendaftaran hanya 6 peratus bukan Bumiputera, berbanding 13 peratus pelajar bukan Cina yang mendaftar dalam SJKC. Bayangkan betapa teruknya keadaan sekolah kebangsaan apabila SJKC mempunyai demografi yang lebih pelbagai. Hal ini pasti kerana kebanyakan ibu bapa telah hilang keyakinan dengan kualiti pendidikan di sekolah kebangsaan.

Tambah mendukacitakan adalah rekod pencapaian pelajar kita dalam program-program penilaian antarabangsa seperti *Programme for International Student Assessment* (PISA) yang dianjurkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Fokus kajian ini adalah untuk menguji kesediaan pelajar sekolah untuk memasuki alam dewasa dan melibatkan pelajar berumur 15 tahun dengan 3 domain utama – Matematik, Sains dan Bacaan.

3. Membangun, menarik dan mengekalkan modal insan diperlukan untuk bersaing di peringkat global.
4. Memperkasa rakyat melalui proses demokrasi.
5. Memerangi rasuah dan kronisme melalui tadbir urus yang cekap, akauntabel, telus serta bersih.




**PARADIGMA Pulau Pinang dilancarkan awal tahun 2013.**

# RM2.94 juta untuk pertanian P.Pinang - KM

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menyalurkan peruntukan RM2.94 juta untuk sektor penternakan di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, peruntukan itu antara lain menumpu pada pembangunan industri ternakan dan kawalan pencemaran yang berpunca oleh aktiviti penternakan sendiri.

Tidak cukup dengan itu, beliau turut mengumumkan penubuhan empat Lot Zon Pemprosesan Makanan (ZPM) demi membimbing produktiviti kaum tani di negeri berkenaan.



**ABDUL Rahman (hadapan, tengah) bersama Majimor Shariff (dua dari kiri) dan Dr. Afif Bahardin (dua dari kanan) berinteraksi dengan peserta gerai pameran karnival di sini baru-baru ini**

"Pendekatan baru telah dilaksanakan dengan penubuhan empat Lot Zon Pemprosesan Makanan (ZPM).

"Jabatan Pertanian juga telah mewujudkan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan bertujuan melatih, membimbing peserta dalam peningkatan modal insan, pembangunan produk serta kualiti produk," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Abdul Rahman Abbas bersama isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Majimor Shariff menyempurna majlis perasmian Hari Peladang, Penternak, Nelayan dan Karnival Koperasi 2013 di Tapak Ekspo Seberang Jaya.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Menteri 1, Mohd. Rashid Hasnon, Law Choo Kiang (Speaker Dewan Undangan Negeri), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan) serta Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri).

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri turut merancang pemajuan kawasan Zon Industri Akaukultur (ZIA) di atas tanah seluas 206 hektar di Penaga, Seberang Perai Utara (SPU).

Difahamkan, sehingga kini, terdapat 612 orang pengusaha akuakultur yang terlibat dalam semua sistem ternakan seperti kolam, sangkar, tangki, kerang-kerangan dan ikan hiasan.

"Projek yang dipergiatkan di kawasan ini (ZIA) adalah ternakan dan pembenihan ikan dan udang laut.

"Sasaran pengeluaran akuakultur Pulau Pinang pada tahun 2012 adalah sebanyak 39,400 tan metrik dengan nilai RM480 juta," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Baginya, inisiatif itu perlu memandangkan kajian *Food And Agricultural Organization* (FAO) menyebut sumber ikan laut dijangka akan pupus menjelang 2048 sekiranya langkah pembiakan tidak diambil.

Dianggarkan, lebih 10,000 pengunjung hadir ke tapak ekspo selama lima hari berkenaan.



**KETUA MENTERI (tiga dari kiri), Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri), Sanjeev Nanavati (empat dari kiri) serta dif kehormat lain bersama-sama menyempurnakan gimik perasmian cawangan kedua Citibank di sini baru-baru ini.**

# Citibank buka cawangan kedua di P.Pinang

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU -** cawangan kedua Citibank di *One Precint* dekat Bayan Baru menyerlahkan lagi status Pulau Pinang sebagai destinasi hab kewangan dunia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kali pertama Citigroup Transaction Services Malaysia Sdn. Bhd. (CTSM) membuka operasi perbankannya di negeri berkenaan pada tahun 1993.

"Berbekalkan modal insan, kepelbagaian demografik, faktor ekonomi, Pulau Pinang juga telah diiktiraf oleh Organisasi Pembangunan Industri Amerika Syarikat dalam 10 destinasi industri terbaik dunia," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon dan Sanjeev Nanavati (Ketua Pegawai Eksekutif Citibank Berhad) turut hadir pada majlis perasmian pembukaan cawangan bank antarabangsa itu.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan infrastruktur bertaraf antarabangsa seperti jalur lebar fiber-optik, pekerja berkemahiran tinggi, pengangkutan awam efisyen serta tempat tinggal demi menarik lebih ramai pelabur asing.

Sebelum itu, Sanjeev berkata, CTSM diiktiraf sebagai peneraju pemprosesan transaksi bertaraf antarabangsa.

"Pelancaran ini sudah pastinya akan memantapkan komitmen kami untuk menawarkan penyelesaian konsisten dan fleksibel pada kos bersesuaian bagi membantu pelanggan kami," ujar beliau.

# Sertai pertandingan mewarna Ekspo

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** *Penang Green Council*(PGC) dengan kerjasama POPULAR Book. Co. (M) Sdn. Bhd. menganjurkan pertandingan mewarna pada 21 September depan di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) dekat Bayan Lepas.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bungah, Teh Yee Cheu berkata, pertandingan itu diadakan sempena sambutan Ekspo Hijau Pulau Pinang 2013 dan *Heal the Earth, Count Me In* dipilih sebagai tema program tersebut.

Justeru, beliau berkata, pihaknya berharap program tersebut mampu menggamit minat rakyat, khususnya kanak-kanak untuk memulihara dan memelihara alam sekitar di negeri berkenaan.

“Melalui pertandingan seperti ini, semangat memelihara dan cintakan alam sekitar dapat dipupuk,” ujar beliau di sini baru-baru ini.

Pengarah PGC, Thing Siew Shuen turut hadir pada majlis tersebut.

Yee Cheu berkata, Sunshine Garden Center Sdn. Bhd. selaku penganjur akan mengagihkan sebanyak 1,000 anak pokok mini jenis *Philodendron, Syngonium* dan *Sanseviera* secara percuma demi menggalak orang ramai berkunjung ke ekspo tersebut.

Difahamkan, pertandingan mewarna itu dijadual berlangsung selama dua jam bermula 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu kanak-kanak berusia 5 hingga 8 tahun dan 9 hingga 12 tahun.

Yee Cheu berkata, borang penyertaan boleh didapati daripada Popular Pulau Pinang atau dimuat turun dari sesawang *www.pgc.com.my* sebelum tarikh tutup pada 15 September depan.

Info lanjut boleh hubungan Popular di talian 04-2269334 atau PGC (04-25-3321).



**TEH Yee Cheu (tiga dari kiri), Thing Siew Shuen (tengah) dan ahli jawatankuasa penganjur menunjukkan sampel anak pokok mini yang bakal diagihkan secara percuma sempena mempromosi Ekspo Hijau Pulau Pinang 2013 di sini baru-baru ini.**



**DR. Norlela Ariffin (duduk) menandatangani plat pelancaran kem hijau yang di sini baru-baru ini.**

# 80 pelajar sertai Kem Hijau

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PENANTI –** Kira-kira 80 pelajar terpilih sekitar kawasan Parlimen Permatang Pauh menyertai Kem Hijau anjuran bersama Penang Green Council (PGC) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kubang Semang, Sungai Semambu dan Permatang Pasir.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin berkata, program itu diharap dapat menggalakkan peserta menjana pendapatan sampingan menerusi aktiviti kitar semula.

“Bukan setakat dapat menghasilkan bahan peluntur, kertas dan seni unik hiasan lampu, malah, sisa sampah juga dapat menjana pendapatan sampingan,” ujarnya di Yayasan Aman di sini baru-baru ini.

Sepanjang program khemah kerja itu, katanya, peserta turut didedah mengenai kaedah menghasilkan kraftangan daripada barang kitar semula.

“Permainan dalam kumpulan diadakan kerana pendekatan itu membolehkan kanak-kanak belajar tentang kepentingan menjaga alam sekitar dalam situasi tidak formal, menyeronokan dan bebas,” ujar beliau.

Insiatif itu sekaligus menyerlahkan komitmen Kerajaan Negeri dalam merealisasikan kempen ‘Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat’.



**DR. Norlela Ariffin (barisan belakang, tengah) bergambar mesra bersama-sama peserta Kem Hijau di sini baru-baru ini.**

# Escape tawar diskaun 10 peratus tiket masuk – Pengerusi PGC

Oleh: **ANNAS ZAINUL ABIDIN**

**TELOK BAHANG –** Pengerusi *Penang Green Council* (PGC), Ng Wei Aik berkata, pemegang kad warga hijau layak mendapat diskaun 10 peratus semasa membeli tiket masuk ke Taman Tema Escape (*Escape*).

Justeru, beliau yang juga merakamkan penghargaan kepada *Escape* atas inisiatif terbaru itu.

“Kami (PGC) ingin mengalu-alukan penyertaan *Escape Theme Park* sebagai Rakan Hijau yang terbaru untuk Program Warga Hijau Pulau Pinang,” ujar beliau semasa majlis perasmian Program Warga Hijau Puau Pinang bersama-sama *Escape* di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar PGC Strategies Sdn. Bhd., Thing Siew Shuen, Sim Choo Kheng (Pengasas merangkap Ketua Eksekutf Escape) dan Steve Green (Pengurus taman Escape) turut hadir pada sidang media tersebut.

Wei Aik yang juga Ahli Parlimen Tanjong berkata, PGC turut merancang untuk menerbitkan *Green Parners Catalogue* demi mempromosi aktiviti kehijauan di negeri berkenaan.

Difahamkan, *Escape* mula memainkan peranan memulihara dan memelihara alam sekitar melalui ‘Inisiatif Hijau’ seperti penjimatan tenaga, penuaian air hujan serta penanaman rumput di bumbung sekitar taman tema itu.

Permainan aksi lasak (*Escape Adventureplay*) untuk kanak-kanak antara yang menarik dalam taman tema tersebut.

Escape mula beroperasi pada 7 November 2012 dan perasmian pembukaan dilangsungkan pada 8 Disember tahun sama.



**NG Wei Aik (tiga dari kiri) menyerahkan replika penghargaan kepada Sim Choo Kheong (dua dari kiri) sambil diperhati oleh Stevan Green (paling kiri) dan Thing Siew Shuen (paling kanan) dalam majlis di sini baru-baru ini.**

# *'Line Dance'* tonjol semangat juang hak wanita - Exco

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN -** Exco Belia & Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng berkata, kempen anti keganasan ke atas kaum wanita wajar terus disuarakan di Pulau Pinang sempena sambutan *Festival George Town 2013*.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan acara tarian *Penang Esplanade Line Dance Jamboree 2013* di sini baru-baru ini.

"100 atau 50 tahun dahulu, kita tidak mungkin melihat wanita keluar untuk bekerja dan menari secara terbuka di pentas seperti sekarang.

"Oleh kerana amalan demokrasi, hari ini, para wanita boleh bebas menari kerana kuasa dan hak wanita semakin terbela," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Difahamkan, tarian *Line Dance* itu diiringi lagu-lagu dalam bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris.

Chong Eng berkata, tarian yang dipersembahkan saban tahun sejak 2010 itu dikatakan berjaya menarik pelancong, sama ada domestik atau antarabangsa berkunjung ke negeri berkenaan.



PARA peserta wanita sedia berbaris untuk melakukan *Line Dance* di sini baru-baru ini.



KANAK-kanak kurang upaya (OKU) menunjukkan bakat menari '*Gangnam Style'* pada penganjuran Larian Keamanan kali ke-24 yang berlangsung di Taman Perbandaran baru-baru ini.

## 300 kanak-kanak OKU turut meriahkan Larian Keamanan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**KEAMANAN...** Lebih 300 orang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) tidak ketinggalan menyertai hampir 2,500 peserta meriahkan Larian Keamanan kali ke-24 yang dianjurkan oleh SCI Malaysia dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bertempat di Taman Perbandaran baru-baru ini di sini.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, penyertaan yang menggalakkan tersebut membuktikan bahawa bukan sahaja masyarakat sekitar malahan kanak-kanak istimewa turut peka akan isu kesihatan dan keamanan sejagat.

"Ini merupakan salah satu platform dan jaringan terbaik bagi mendekatkan golongan masyarakat dan insan-insan istimewa agar sama-sama beriadah, bekerjasama dan melakukan pelbagai aktiviti berfaedah," ujarnya semasa merasmikan Larian Keamanan kali ke -24 yang berlangsung di Taman Perbandaran baru-baru ini di sini.



SEBAHAGIAN daripada pemenang bergambar kenangan bersama Zairil Khir Johari (berdiri, kanan sekali) semasa penganjuran Larian Keamanan kali ke-24 baru-baru ini.

Hadir sama Pengerusi Penganjur, A. Athimulan dan Pengarah Rekreasi, Pelancongan Dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Pada penganjuran tersebut, turut diadakan pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada para peserta, persembahan tarian '*Gangnam Style*' oleh kanak-kanak OKU dan acara cabutan bertuah.




TANAH sawah sedang digemburkan sebelum ia diratakan.


KEADAAN bendang selepas tanah digemburkan.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

# Cabaran 31 tahun tidak luntur semangat teruskan

**TIADA** siapa menyangka di celah kesibukan bandar Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT) terbentang luas sawah bendang yang begitu cantik panoramanya.

Secara tidak langsung, keindahan menghijau tersebut mengingatkan penulis kepada suasana di kampung yang begitu dirindui.

Atas permintaan skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara (BM), kami dibawa berjumpa dengan salah seorang pengusaha sawah yang kini kian 'pupus' ditelan arus pembangunan.

Mengambil alih daripada arwah bapa, Khalid Daud, 48, tidak pernah berasa 'penat' mengerjakan sawah seluas 30 relung di Kampung Permatang Rawa Hujung, Seberang Jaya sejak 31 tahun lalu.

Apa yang menjadi pegangan beliau adalah pesanan arwah supaya melaksanakan sesuatu kerja dengan bersungguh-sungguh sekiranya ingin cari makan.

Sepanjang sesi wawancara yang diadakan, Khalid atau lebih dikenali sebagai Pak Tam Lid seolah menyimpan seribu satu rahsia.

Bukan mudah untuk BM 'mengorek' rahsia dan juga pengalaman beliau dalam bidang berkenaan.

Walaupun bertalu-talu soalan diajukan, jawapan beliau tetap ringkas dan penuh 'misteri'.

Beliau memberitahu, masalah utama yang dihadapi pengusaha sawah kini adalah faktor kedalaman tanah disebabkan faktor cuaca sejak 10 tahun lalu.

"Sebab tak dapat musim kemarau yang cukup, tanah sawah tidak cukup kering dan benih-benih padi terpaksa ditanam dalam.

"Apabila tiba musim menuai, mesin padi tidak boleh ambil (tuai) sampai ke bahagian bawah pokok (padi) dan menyebabkan pesawah rugi," jelasnya.


KHALID Daud atau Pak Tam Lid.

Mengulas lanjut, Pak Tam Lid menyatakan bahawa faktor cuaca banyak menjejaskan pengeluaran padi secara keseluruhan.

Justeru, berbanding benih padi sebelum ini, beliau kini menggunakan benih jenis CL 220 yang lebih senang dijaga dan tahan termasuk apabila terkena racun menghalang pertumbuhan rumput.

Selain faktor keselamatan seperti berdepan dengan ular berbisa di bendang, Pak Tam Lid menyatakan bahawa masalah lain yang turut dihadapi adalah pengurusan saluran air tidak sistematik ke kawasan bendang dan peningkatan kos jentera, racun serta baja kini.

Menceritakan proses penanaman padi, Pak Tam Lid menyatakan bahawa ia bermula dengan proses menggemburkan tanah sebelum ia diratakan. Setelah selesai, racun siput pula disembur.

Sebelum benih-benih padi disemai, ia perlu direndam semalaman dan kemudian disejat dalam tempoh masa sama. Padi yang disemai dapat dituai dalam tempoh 110 hari dan dalam tempoh setahun, penanaman padi adalah sebanyak dua musim.

Ketika ditanya mengenai perancangan masa depan, Pak Tam Lid menyatakan bahawa beliau akan meneruskan profesionnya selagi ada kemampuan.

"Walaupun tiga anak saya tidak berminat dalam bidang ini sebab pendapatan tidak menentu, saya anggap ia kerja yang menyeronokkan terutama apabila melihat padi yang ditabur naik dan dapat hasil," ujar beliau yang memiliki 13 adik-beradik.

Dalam pada itu, tambah Pak Tam Lid, beliau turut berharap supaya tanah pertanian dapat dikekalkan agar ia seimbang dengan arus pembangunan semasa.

**INFO :**
**012 – 597 7304**


SUASANA bendang yang menghijau di Kampung Permatang Rawa Hujung, Seberang Jaya, SPT.


SIPUT Gondang Emas yang merupakan perosak utama tanaman padi.

# Dikenali YB termuda, satu cabaran – Dr. Afif

**BARU** berusia 28 tahun, beliau sudah bergelar Yang Berhormat (YB) apabila memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) pada 5 Mei lalu bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya.

Selepas dilantik menjadi Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, beliau direkodkan pula sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri termuda.

Pun begitu, beliau telah berumahtangga dengan, Dr. Mardhiah Zakaria, 28, dan dikurniakan seorang cahaya mata.

Dalam wawancara baru-baru ini, Dr. Afif mengaku kehadirannya acapkali mencuri perhatian banyak pihak.

"Apabila menjadi ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) termuda dan jadi Exco pula, orang akan skeptikal, sama ada kita mampu atau sebaliknya.

"Saya faham. Namun sebagai YB termuda, saya mempunyai kelebihan untuk mendapatkan nasihat dan pandangan daripada exco-exco dan pegawai kerajaan yang lebih kanan dalam Kerajaan Negeri," ujarnya kepada wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB.**

Beliau berkata, beliau bertuah kerana buku-buku sejarah pejuangan seperti Tok Janggut dan Mat Kilau yang dibacanya sejak di bangku sekolah secara tak langsung membentuk jiwa dan peribadinya hari ini.

Slogan 'Reformasi' yang disamboyan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri pada penghujung era 1990 turut meledak ruh keadilan dalam jiwanya.

Sejak itu, Dr. Afif mula berjinak dengan politik sungguhpun dihambat pelbagai tanggungjawab akademik semasa menuntut di Fakulti Perubatan UiTM. Di fakulti, beliau belajar ilmu perubatan, tetapi bersama rakan - rakan di Jalan Telawi dan Institut Kajian Dasar, beliau belajar mengenai politik, falsafah, agama, ekonomi dan sosial.

Dr. Afif pernah menjadi doktor pelatih di Hospital Pulau Pinang dan berkhidmat di Hospital Sungai Buloh di Jabatan Pembedahan Kepala dan Leher dan merupakan sukarelawan perubatan yang bergerak aktif dengan Biro Kesihatan ABIM dan Malaysia Relief Agency; sebelum mengambil keputusan bertanding dalam pilihan raya baru-baru ini.

Kematangan mendahului usia mendorong Dr Afif tidak resah dengan perhatian dari khalayak yang berminat untuk mengikuti perkembangan bakatnya itu.



DR. AFIF Bahardin.

### Pelancongan Perubatan

Amanah yang ditaklifkan tidak mahu disia-siakan.

Beliau tekun memberi tumpuan pada aspek mengembangkan potensi Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan perubatan.

"Sebenar, tiada pusat rawatan barah di Hospital Kerajaan adalah satu isu. Ada isu lain lagi seperti kita (Pulau Pinang) mempunyai masalah tapak (untuk cadangan pemajuan) hospital yang sangat terhad."

"Sebab itu, rawatan sakit barah (radioterapi) hospital-hospital Kerajaan Negeri sendiri dilakukan di Hospital Mount Miriam dan Hospital Pantai Mutiara dengan kos perubatan itu ditanggung oleh Kerajaan Pusat.

"Kita mengalu-alukan peruntukan RM20 juta untuk menaik taraf Hospital Balik Pulau, cuma,saya ingin memohon Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya (Ahli Parlimen Balik Pulau) bahawa ada keperluan untuk menyegerakan penaikan taraf Hospital Besar Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya sendiri.

"Pelancongan perubatan yang dipimpin oleh hospital-hospital swasta ini memang ada prospek dan mendatangkan pulangan pada Kerajaan Negeri. Tetapi, keperluan tertentu yang tidak ada di hospital swasta seperti doktor pakar, akhirnya pesakit itu ingin jumpa dengan doktor pakar di hospital kerajaan juga.

"Ambil kira peranan hospital Kerajaan dan hospital swasta yang bagi bersama-sama dalam sektor pelancongan perubatan, saya akan menubuhkan Penang Health Alliance untuk menghimpunkan pihak swasta dan kerajaan untuk duduk berbincang mengenai isu-isu kesihatan di negeri ini," ujar beliau

### Asas Tani

Sesuai dengan status Pulau Pinang sebagai 'negeri pengguna' bukan alasan untuk tidak menyediakan infrastruktur pertanian.

Justeru, Dr. Afif berkata, Kerajaan Negeri sedang merancang pemajuan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di atas tanah seluas 206 hektar dekat Penaga, Seberang Perai Utara.

Beliau berkata, 19 pengusaha dalam kalangan warga Pulau Pinang berwibawa sudah dikenal pasti untuk memajukan projek sifar pencemaran.

Itu, tidak termasuk rancangan penubuhan empat Lot Zon Pemprosesan Makanan (ZPM) demi membimbing produktiviti kaum tani di negeri berkenaan.

"Pertanian tidak lagi bergantung pada keluasan tanah yang terhad, tetapi, turut bergantung pada kemajuan teknologi serta infastruktur lain," ujar beliau.

Difahamkan, peruntukan untuk sektor penternakan di Pulau Pinang berjumlah kira-kira RM2.94 juta.

Sebab itu, katanya, projek Malaysia International Tuna Port Sdn. Bhd. (MITP) di Batu Maung bernilai kira-kira RM543.38 juta tidak wajar gagal sampai sekarang.

"Kegagalan Projek Pusat (melalui) LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) sebenarnya merugikan industri penternakan negeri dan rakyat sendiri," ujar beliau.

### Fokus Luar Bandar

Dr. Afif berkata, salah satu portfolio asal yang ditaklifkan adalah 'Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar'.

"Di Pulau Pinang, hampir tiada lagi kawasan luar bandar. Yang ada, kampung atau desa. (Penggunaan) 'Pembangunan Desa' ini lebih inklusif maksudnya.

"Contoh, kalau pembangunan kampung dalam George Town ini, takkan nak panggil pembangunan luar bandar kerana ini nyata di dalam bandar," ujar beliau.

Setakat ini, beliau berkata, pihaknya telah menyalurkan mesin dan alatan untuk menambah produksi atau kualiti produk untuk usahawan desa.

Selain itu, pihaknya turut giat membaiki rumah-rumah desa yang dinilai layak menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN).

"Trend pilihan raya lepas, sokongan masyarakat desa seperti di (daerah) Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan dan Barat Daya terhadap Kerajaan Negeri hari ini masih rendah.

"(Justeru,) saya telah minta Penang Institute (PI) untuk membuat kajian lapangan bagi mengenal pasti jenis-jenis projek usahawan berasaskan masyarakat desa di daerah-daerah ini," jelasnya.

Dari situ, beliau berkata, pihaknya akan cuba menyalurkan dana demi meyakinkan rakyat terbanyak di kawasan-kawasan berkenaan terhadap komitmen Kerajaan Negeri.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya akan cuba memperbaiki infrastruktur desa sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Pusat melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP).

### Harapan

Mewakili Kerajaan Negeri, Dr. Afif berharap pihaknya boleh bekerjasama dengan Kerajaan Pusat seperti dalam isu Persefaham Trans-Pasifik (TPP).

"Sepatutnya Pulau Pinang turut diajak berbincangan dengan Pusat kerana TPP ini dijangka akan menggugat negara dalam mendapatkan Ubat Generik pada harga termampu.

"Di DUN Pulau Pinang pun, isu TPP ini dibangkitkan, tetapi, saya tidak nampak Kerajaan Pusat ikhlas untuk duduk berbincang dengan Kerajaan Negeri demi kepentingan rakyat.

"Kalau boleh, Kerajaan Pusat boleh ajak Kerajaan Negeri duduk berbincang kerana pelaksanaan TPP ini bukan sahaja bakal meningkatkan kos perubatan di Hospital Kerajaan, bahkan, turut meninggalkan kesan berantai pada sektor pelancongan perubatan yang dipelopori oleh sektor swasta," ujarnya.

# MPSP berjaya kekalkan ISO 14007:2004

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT MERTAJAM -** "Tahniah kepada semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana berjaya mengekalkan pensijilan ISO untuk tempoh dua tahun lagi (2013-2015)," ucap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sambutan Hari Majlis MPSP ke-39 di sini baru-baru ini.

Ucapan tersebut berikutan kejayaan MPSP mengekalkan Persijilan Semula ISO 14001:2004 sehingga 13 Jun 2015 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Guan Eng berkata, sejak urus tadbir yang berlandaskan CAT, MPSP berjaya mencatatkan peningkatan prestasi yang memberangsangkan dan membanggakan.

"Kedudukan kewangan yang semakin kukuh membolehkan MPSP meneruskan program-program yang mengutamakan rakyat.

"Antara program yang dijalankan termasuklah program *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang,* program Komuniti bersama masyarakat Seberang Perai dan juga dialog seperti yang diadakan hari ini'" ujar beliau.

Menurut Guan Eng lagi, MPSP kini sedang dalam proses untuk mendapatkan persijilan OHSA 18001:2007.

"Saya difahamkan persijilan ini memerlukan MPSP mengutamakan keselamatan dan kesihatan semasa bekerja.

"Ini menunjukkan MPSP mempunyai inisiatif untuk menjaga kebajikan kakitangan yang bekerja di lapangan," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut melancarkan *Seberang Perai Tourist Map*.

Beliau memberitahu, dengan pelancaran program ini dapat menggalakkan orang ramai mengunjungi Seberang Perai dan sekaligus dapat meningkatkan industri pelancongan negeri.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri 2, P. Ramasamy, Exco Belia & Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian, Chong Eng, dan Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif.



ANTARA barisan tetamu kehormat yang hadir pada Pelancaran *Seberang Perai Tourist Map* dan Soal Selidik Bajet MPSP 2014 di sini baru-baru ini.

# Perkhidmatan kebersihan keutamaan penduduk Seberang

Oleh: **MOHD HAFIZ TAJUDIN**

**BUKIT MERTAJAM –** Sempena Sambutan Hari Majlis ke-39, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengadakan satu sesi dialog dan kajian pelanggan sempena bajet 2014 MPSP sebagai satu usaha mengumpulkan maklumbalas daripada para pelanggannya.

Kajian berkenaan bertujuan menilai tahap keutamaan tujuh perkhidmatan yang disediakan MPSP untuk diimplementasikan dalam bajet tahun hadapan.



MAIMUNAH Mohd. Shariff.

Hasilnya, 41 peratus responden memilih perkhidmatan kebersihan sebagai keutamaan paling tinggi, berbanding perkhidmatan keselamatan dan lalulintas (15), penguatkuasaan undang-undang (12), kawalan banjir (10), kemudahan awam (9), pengindahan dan kehijauan (8) dan penglibatan komuniti (5).

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd Sharif berkata, maklumbalas berkenaan menunjukkan bahawa masyarakat melihat Seberang Perai mahu menjadi lebih bersih.

"Sistem demokrasi memberi pandangan yang diamalkan MPSP adalah untuk mengajak seluruh penduduk Seberang Perai bersama MPSP menjadikan Pulau Pinang termasuk Seberang Perai sebagai sebuah bandar yang selesa didiami.

"Ini jelas sekali mereka mahu Seberang Perai menjadi lebih bersih," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Korporat kakitangan MPSP di Kompleks MPSP di sini.

Turut hadir adalah Setiausaha Perbandaran, Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis MPSP.



(Dari kiri) MOHAMMAD Azki Hafizi Ibrahim, Roslan Che Ros dan Ellias Zakaria berkongsi pentas sebagai panelis dalam Forum Perdana Ehwal Islam MPSP baru-baru ini.

# MPSP anjur Forum Perdana Ehwal Islam

**MARHABAN YA RAMADHAN...** Lebih 200 hadirin menyertai Forum Perdana Ehwal Islam di Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Bandar Perda, Bukit Mertajam baru-baru ini sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak atau *Marhaban Ya Ramadhan*.

Forum yang diadakan serentak dengan keraian Hari Majlis ke-39 itu sekaligus menyerlahkan komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dalam menganjurkan aktiviti kerohanian sebagai persiapan menempuhi ibadah berpuasa pada bulan tersebut.

Mantan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Ellias Zakaria dan dua pendakwah bebas, Ustaz Roslan Che Ros dan Ustaz Mohammad Azki Hafizi Ibrahim merupakan panelis pada majlis ilmu tersebut.

Hadir sama, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif; Rozali Mohamud (Setiausaha MPSP) dan dua Ahli Majlis MPSP lain, iaitu Md. Jamil Abd. Rahman dan Syed Mikael Rizal Aidid.

# Dunia anugerah MPPP sebagai *Best Cities*

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru menerima Anugerah *Best Cities* daripada sebuah pertubuhan perkongsian sosial terkemuka di Eropah, *Europe Business Assembly* (EBA).

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, anugerah itu adalah tanda penghormatan dan pencapaian tertinggi majlis dalam pengurusan industri pelancongan dan pembangunan ekonomi serta perkongsian dalam mempromosi sukan di persada dunia.

"Alhamdulillah, semua ini adalah usahasama semua pihak dalam memastikan Pulau Pinang sentiasa memimpin," ujar beliau ketika ditemui sejurus selesai majlis mengangkat sumpah semua Ahli Majlis MPPP di sini baru-baru ini.

Selain sijil pengiktirafan, beliau berkata, MPPP turut menerima trofi, plak dan medal daripada badan berprestij tersebut.

Difahamkan, Anugerah *Best Cities* diberi kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang mempunyai kepemimpinan terbaik dalam merumuskan dasar-dasar, termasuk rangka kerja ekonomi, pengurusan sektor pelancongan serta program yang menggalakkan perpaduan sosial melibatkan negara-negara anggota.

Dengan pengiktirafan tersebut, beliau berkata, membolehkan MPPP menggunakan *trademark* sendiri mengikut Akta Cap Dagangan 1994, United Kingdom dan Peraturan-Peraturan Anugerah EBA bagi tempoh lima tahun bermula 25 Jun 2013 hingga 25 Jun 2018.

Pencapaian terbaru itu sekaligus menyerlahkan lagi imej Kerajaan Negeri Pulau Pinang di rantau ini.



**AR. Patahiyah Ismail menujukkan Anugerah *Best Cities* yang diterima oleh MPPP baru-baru ini.**



**SIJIL pengiktirafan, trofi, plak dan medal antara Anugerah *Best Cities* yang diterima oleh MPPP baru-baru ini.**

# Exco minta PBT rancang pelan tindakan lima tahun

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) diminta menggariskan pelan tindakan lima tahun bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan masing-masing.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yoew berkata demikian dalam Bengkel *Empowering Local Council* di sini baru-baru ini.

"Sememangnya setiap PBT (pihak berkuasa tempatan) telah mempunyai fokus masing-masing, namun, ia tidak akan bercanggah sekiranya kita (MPPP dan MPSP) mengadakan garis panduan pelan tindakan ini.

"Pelan ini wajar memandangkan rakyat kini ingin melihat perubahan lebih besar, terutama dalam penyampaian perkhidmatan," ucap Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif turut berkongsi pengalaman menguruskan PBT terbesar di Malaysia dalam bengkel tersebut.

Hadir bersama, semua Ahli Majlis bagi MPPP dan MPSP yang baru dilantik bagi sesi Julai hingga 31 Disember 2013.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota berkata, PBT mesti mencari jalan supaya Pulau Pinang kian dilihat mempunyai persekitaran yang paling sesuai didiami serta destinasi pelancongan dan pelaburan terunggul di rantau ini.

Justeru, beliau berkata, semua pihak berwajib harus berani menempuhi cabaran dari segi psikologi dan *behavioral change* demi meningkatkan lagi imej negeri di persada dunia.




**CHOW Kon Yeow ketika menyampaikan ucapan perasmian Bengkel *Empowering Local Council* di sini baru-baru ini.**



**MAIMUNAH Mohd. Shariff turut berkongsi pengalamannya sebagai peneraju MPSP pada Bengkel *Empowering Local Council* di sini baru-baru ini.**

## MAKLUMAN UMUM

**PENUKARAN ARAH ALIRAN LALULINTAS SEHALA DI JALAN KHIDMAT, JALAN LEMBAH PERMAI (HADAPAN *TENBY INTERNATIONAL SCHOOL*)**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis akan menukarkan arah aliran lalulintas sehala di Jalan Khidmat, Jalan Lembah Permai, Pulau Pinang mulai 1 Julai 2013. Arah aliran lalulintas sehala adalah seperti jadual berikut:-

2. Tujuan sistem jalan sehala dilaksanakan adalah bagi mengurangkan kesesakan dan melicinkan aliran lalulintas serta mengurangkan masalah konflik dan gangguan lalulintas di kawasan tersebut semasa waktu masuk dan keluar persekolahan.

3. Pemandu-pemandu adalah dinasihatkan untuk mematuhi arah aliran lalulintas dan larangan-larangan yang telah ditetapkan demi keselamatan orang ramai dan kelicinan aliran lalulintas di kawasan yang terlibat.

**Biro Penerangan,**
**Majlis Perbandaran Pulau Pinang.**

# Kekalkan tradisi gotong-royong - ADUN Sg.Pinang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**JELUTONG -** Warga Pangsapuri Jelutong Indah mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan kediaman mereka sementara menunggu langkah pemuliharaan kemudahan asas di sini oleh pemaju JKP Sdn. Bhd..

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, aktiviti tersebut mampu melahirkan persekitaran kediaman yang lebih bersih serta keharmonian masyarakat.



**LIM Siew Khim (bertopi) bersama-sama kaum ibu Pangsapuri Jelutong Indah membersihkan kawasan kediaman di sini baru-baru ini.**

"Secara tidak langsung gotong-royong mampu menerapkan perpaduan dan kesedaran menjaga kebersihan dalam kalangan sesebuah komuniti itu.

"Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan aktiviti sihat ini dan berharap supaya aktiviti ini dapat dikekalkan secara berkala," katanya baru-baru ini.



**LIM Siew Khim (bertopi) membersihkan ranting-ranting pohon yang ditebang semasa aktiviti gotong-royong di Pangsapuri Jelutong Indah di sini baru-baru ini.**

Terdahulu, Siew Khim menyertai Timbalan Ketua Menteri I, Mohd. Rashid Hasnon mengadakan lawatan kilat di pangsapuri tersebut ekoran menerima aduan kerosakan kemudahan asas di sini.

Penduduk setempat mengadu dua tangki air di atas pangsapuri tersebut dikesan bocor, selain, kedua-dua lif rosak sejak hampir dua bulan lepas.

Ekoran itu, Mohd. Rashid dilaporkan menasihat JKP dan badan pengurusan bersama (JMB) berwajib supaya segera melakukan kerja-kerja menyelenggara semula kesemua kemudahan asas yang rosak.

Hasil lawatan kilat itu, penduduk setempat bersetuju untuk mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan kediaman mereka sementara menunggu kerja penyelenggaraan oleh pihak berwajib.

## Krew MP Nibong Tebal jejak fakir sempena Ramadhan

**SUNGAI ACHEH –** Krew Pusat Khidmat Parlimen Nibong Tebal yang diketuai Encik Azmi baru-baru ini menjejaki fakir miskin di sekitar kawasan parlimennya sempena menyambut bulan Ramadhan.

Azmi berkata, program Jejak Fakir tersebut adalah hasil buah fikiran Ahli Parlimen (MP) Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman.



**PEGAWAI Khas Ahli Parlimen Nibong Tebal, Azmi (kanan) mewakili Mansor Othman menyerahkan sumbangan kepada isteri Yusof Ahmad di kediamannya di sini baru-baru ini.**

"Program ini diharap sedikit sebanyak dapat membantu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam mengagihkan sumbangan kepada mereka yang layak, termasuk di Kampung Sungai Chenaam di sini," ujarnya.

Ekspedisi kemanusiaan itu antara lain membantu membaiki rumah keluarga Ngah Imsah yang dikesan dalam keadaan daif dan usang.

Mereka turut membantu keluarga Yusof Ahmad yang lumpuh dan tidak lagi bekerja sejak tiga tahun lepas.

"InshaAllah, kita (Kerajaan Negeri) akan usahakan sesuatu untuk membaiki rumah Ngah Imsah demi keselesaan makcik Ngah sekeluarga serta mendapatkan bantuan dari ZPP...lebih-lebih lagi makcik Ngah mempunyai seorang anak lelaki 'istimewa'.

"Hanya isterinya (Yusof Ahmad) bekerja mengambil upah mengasuh kanak-kanak dengan pendapatan sekitar RM200 sebulan untuk membantu keluarganya.

"Sudah menjadi hasrat Ahli Parlimen kita (Mansor) untuk cuba sedaya upaya membantu seluruh penduduk di Parlimen ini, terutamanya yang fakir dan terpinggir demi kelangsungan Kerajaan Negeri," kata Azmi.




**NGAH Imsah Jamim (kiri) menerima sumbangan ikhlas daripada Azmi di Kampung Sungai Chenaam di sini baru-baru ini.**

## Rayer sertai bersih kubur Islam



**R.S.N Rayer (bertopi) bersama sekumpulan kanak-kanak tekun membersihkan daun-daun kering di Tanah Perkuburan Islam Sungai Gelugor dekat sini baru-baru ini.**

**SERI DELIMA -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N.Rayer menyertai kira-kira 100 penduduk setempat membersihkan tanah perkuburan Islam Sungai Gelugor di sini sempena sambutan Ramadhan.

Beliau berkata, program amal seumpama itu dapat menyuburkan rasa muafakat antara Pusat Khidmat ADUN Seri Delima dengan komuniti umat Islam tempatan.

"Saya amat berbesar hati menjadi sebahagian komuniti yang hadir untuk turut serta dalam gotong-royong membersihkan kawasan Tanah Perkuburan Islam Sungai Gelugor ini," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata, beliau sangat bangga dengan amalan umat Islam memperbanyak sedekah, mengadakan jamuan berbuka puasa, meraikan anak-anak yatim serta mengimarahkan masjid.

"Saya percaya di bulan yang suci ini, kerja-kerja amal boleh menjadi pemangkin dalam melaksanakan ibadah yang dituntut dalam Islam," katanya lagi.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan lagi keharmonian beragama melibatkan umat Islam dan bukan Islam di negeri berkenaan.

# Batu Maung rangka pelan cegah banjir kilat - ADUN

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, kawasannya memerlukan satu pelan pemajuan sistem perparitan yang lebih sempurna demi mencegah kemungkinan banjir kilat, terutama semasa musim tengkujuh (dijangka) pada bulan Ogos depan.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengemukakan cadangan itu dalam satu pertemuan bersama-sama Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini.

"(Demi) memastikan sistem peparitan dan saliran yang sempurna, kita juga telah meminta *Rapid Action Force* DUN Batu Maung untuk turut memantau pokok-pokok yang perlu ditebang serta retention of flood waters (pembendungan banjir) sempurna," ujarnya di sini.

Menurut Abdul Malik, kawasan kerap banjir kilat dikenal pasti di Batu Maung (5), Teluk Tempoyak (2), Permatang Damar Laut (2), Sungai Ara (1) dan 10 Kongsi (1).

Tidak cukup dengan itu, beliau berkata, penduduk wajar diberi pendedahan mengenai kaedah memulihara dan memelihara sistem perparitan di kawasan pemukiman masing-masing setelah fasa pelaksanaan pelan tindakan dikuatkuasakan.

Justeru, beliau berkata, pihaknya berharap pelan tindakan berwajib mampu mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung.



ABDUL Malik Abul Kassim menunjukkan gambar beberapa sistem peparitan dan longkang yang didakwa tidak sempurna serta dikatakan antara punca berlakunya banjir kilat saban tahun di sini baru-baru ini.

# Sumbang alat tulis jadi motivasi belajar - ADUN Jawi



SOON Lip Chee (duduk, dua dari kanan) dikerumuni murid-murid SRJKT Ladang Jawi di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**JAWI** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee menyampaikan sumbangan alat tulis kepada murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) Ladang Jawi di sini baru-baru ini.

Li Chee ketika ditemui berkata, pihaknya berharap sumbangan itu dapat memberi motivasi kepada pelajar-pelajar supaya belajar dengan lebih tekun dan cemerlang.

"Dengan sumbangan alat tulis ini, diharap murid-murid di sini dapat memupuk semangat untuk terus menuntut ilmu dan mencapai kejayaan yang dihajati," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata, murid-murid boleh mengubah nasib keluarga masing-masing dengan ilmu serta cemerlang dalam pelajaran masing-masing.

"Sekiranya mereka berjaya, mereka dapat berbakti dan membantu keluarga mereka," ujar beliau.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menyerah sumbangan berjumlah RM500 kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

Turut serta, Jawatankuasa Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Taman Perai.

# Asnaf ceria terima sumbangan sempena Ramadhan



MOHD. Tuah Ismail (kanan) menyampaikan sumbangan zakat kepada asnaf dan ibu-ibu tunggal di sini baru-baru ini.

**REZEKI RAMADHAN** – Bulan Ramadhan disambut dengan penuh syukur dan ceria oleh kira-kira 50 asnaf di Kampung Titi Teras, Pulau Betong menerima sumbangan zakat berupakan beras, hamper barang-barang keperluan asas, wang tunai serta kurma baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, sumbangan zakat berupakan barangan keperluan harian itu merupakan tanggungjawab sosial kepada komuniti bagi meringankan beban golongan berkenaan dalam melakukan persiapan menjelang hari raya Aidilfitri.

"Sumbangan yang diberikan turut meliputi ibu-ibu tunggal dan mereka yang layak serta betul-betul memerlukan bantuan.

"Setiap tahun pelbagai bantuan akan diberikan kepada golongan tersebut dalam usaha kita membantu mereka yang kesusahan dan memberi keriangan kepada mereka," ujar Mohd. Tuah baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan sendiri oleh Mohd. Tuah dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Muhammad Bakhtiar Wan Chik di perkarangan Pusat Khidmat PPK Pulau Betong di sini.

# BORANG KEPUASAN PELANGGAN BAGI PERKHIDMATAN FERI PULAU PINANG

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan suatu kajian kepuasan pelanggan berkenaan perkhidmatan feri di Pulau Pinang. Kajian ini kemudiannya akan dipanjangkan kepada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) untuk diambil tindakan sewajarnya.

Inisiatif ini dilaksanakan berikutan Kerajaan Negeri menerima banyak aduan melalui surat, e-mel, panggilan telefon serta secara bersemuka daripada orang awam. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak PPSB agar dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan feri yang sedia ada dan membolehkan pihak PPSB mengambil perhatian terhadap komen yang diberikan oleh orang awam.

Kajian kepuasan pelanggan ini akan berlangsung dari **23 Julai 2013 hingga 31 Ogos 2013**. Orang awam boleh mendapatkan atau memuat turun borang kepuasan pelanggan ini dari:

- Kaunter Tingkat 3 Komtar;
- Laman sesawang rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *www.penang.gov.my;* Portal rasmi YAB Ketua Menteri, *cm.penang.gov.my;*
- Buletin Mutiara; dan Facebook YAB Ketua Menteri, CM Lim Guan Eng serta Facebook Buletinmutiara.

Borang kajian pelanggan yang telah siap diisi ini bolehlah dialamatkan ke:

**YB Lim Hock Seng**
**Ahli Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang**
**Tingkat 52, Komtar**
**10502 Pulau Pinang**

atau

Masukkan borang berkenaan ke dalam kotak khas yang disediakan di kaunter Kerajaan Tingkat 3, Komtar.
Sekian, terima kasih.

## BORANG KEPUASAN PELANGGAN BAGI PERKHIDMATAN FERI PULAU PINANG

(Sila tandakan [√] pada kotak yang berkaitan)

**Bahagian A: Demografi**

1. Nama Penuh: ______________________
2. Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan
3. Umur:
   - i. kurang dari 18 tahun ☐
   - ii. 19 hingga 39 tahun ☐
   - iii. 40 hingga 59 tahun ☐
   - iv. 60 tahun dan ke atas ☐
4. Tempoh penggunaan feri:
   - i. kurang dari 1 tahun ☐
   - ii. 1 hingga 5 tahun ☐
   - iii. melebihi 5 tahun ☐
   - iv. lain-lain ☐
   - (sila nyatakan: ……tahun)
5. Kekerapan penggunaan feri dalam tempoh seminggu: (pergi dan balik)
   - i. 1 kali sahaja ☐
   - ii. 2 hingga 4 kali ☐
   - iii. 5 hingga 7 kali ☐
   - iv. melebihi 7 kali ☐

**Bahagian B: Kebersihan**

6. Terminal berikut berada dalam keadaan bersih dan selesa untuk digunakan
   - i. Terminal Feri Sultan Abdul Halim (Seberang Perai) ☐ Ya ☐ Tidak
   - ii. Terminal Feri Raja Tun Uda (Pulau) ☐ Ya ☐ Tidak
7. Keadaan feri adalah bersih dan selesa untuk pengguna
   ☐ Ya ☐ Tidak
8. Tandas di terminal/feri berada dalam keadaan yang bersih
   ☐ Ya ☐ Tidak

**Bahagian C: Kemudahan**

9. Lorong feri yang disediakan bagi kenderaan bermotor mencukupi bagi menampung kapasiti pengguna sedia ada
   ☐ Ya ☐ Tidak
10. Tangga elektrik di Terminal Feri Sultan Abdul Halim (Seberang Perai) berfungsi dengan baik:
   ☐ Ya ☐ Tidak
11. Lorong pejalan kaki (ramp) di kedua-dua terminal adalah sesuai digunakan bagi semua peringkat umur pengguna
   ☐ Ya ☐ Tidak
12. Kipas angin yang disediakan di kawasan menunggu di kedua-dua terminal mencukupi
   ☐ Ya ☐ Tidak
13. Kipas angin yang disediakan di kawasan menunggu di kedua-dua terminal berfungsi dengan baik
   ☐ Ya ☐ Tidak

**Bahagian D: Keselamatan**

14. Sesetengah feri menempatkan penumpang dan kenderaan bermotor dalam satu dek yang sama. Kaedah ini
   - i. tidak menjejaskan keselamatan penumpang ☐ Ya ☐ Tidak
   - ii. tidak menjejaskan kesihatan penumpang ☐ Ya ☐ Tidak
15. Pemandu membawa feri dengan berhemah ☐ Ya ☐ Tidak
16. Tidak pernah melihat berlakunya insiden di mana penumpang cedera ketika feri merapat ☐ Ya ☐ Tidak

**Bahagian E: Perkhidmatan**

17. Ketibaan/pelepasan feri mematuhi jadual masa yang ditetapkan
   ☐ Ya ☐ Tidak
18. Bilangan feri yang disediakan mencukupi terutamanya pada waktu puncak
   ☐ Ya ☐ Tidak

**Bahagian F: Cadangan Penambahbaikan/Komen**

-TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA TUAN/PUAN-

Sila alamatkan ke:
1) YB Lim Hock Seng
   Ahli Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang
   Tingkat 52, Komtar
   10502 Pulau Pinang

   atau

2) Masukkan borang ini ke dalam kotak khas yang disediakan di kaunter Kerajaan Tingkat 3, Komtar